

## PENGURUSAN DAN PENGELOLAAN ASUHAN KANAK-KANAK DARI PERSPEKTIF KITAB *IHYA' 'ULŪM AL-DĪN*

Nik Muhamad Amal Mohd Asri

\*Mohd Nazri Abdul Rahman

Abdul Muhsien Sulaiman

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

\*mohdnazri\_ar@um.edu.my

### ABSTRACT

The growth process of children requires perfect care and education to ensure that children's development is sustainably developed. Perfect care and education for children needs to be framed in an ecosystem, which is a comprehensive form of management and organisation. This process does not detach from the existing concept of Islamic education where the concept of childcare is seen as important in achieving the true purpose of education. This study was conducted through the method of content analysis where the book *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* is used as the main sample unit in reviewing the form of management and organisation of childcare. The results of the study found that there are four forms of childcare management and organisation that are stated in *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, which are forms of management organised by children, parents, teachers, friends and the local community. Finally, the study suggests that the form of childcare management and organisation be studied in depth through various teaching methods that are interesting and appropriate according to the child's development.

**Keywords:** Management and Organisation, Childcare, *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*

### PENGENALAN

Asuhan kanak-kanak merupakan suatu bentuk interaksi di antara golongan dewasa bersama kanak-kanak. Proses interaksi ini berlaku secara semula jadi kerana ia melibatkan pembentukan kanak-kanak dalam segala bentuk perkembangan mereka dari kecil hingga dewasa (PERMATA, 2013). Perbincangan di dalam kajian ini berfokuskan pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak di mana tugas dan tanggungjawab secara sistematis perlu dilaksanakan oleh beberapa pihak dan golongan dewasa dalam memberikan konsep asuhan kepada kanak-kanak. Dari perspektif islam sebagai sebuah agama yang bersifat menyeluruh, islam memandang serius berkenaan isu asuhan kanak-kanak sebagai hak yang perlu ditunaikan kepada mereka.

Perbincangan berkenaan asuhan kanak-kanak sudah diteliti melalui pelbagai perspektif dari cabang bidang ilmu di mana ia menjadi perhatian bagi tokoh pendidikan Islam seperti Al-Ghazālī, Al-Zarnūjī, Ibn Sahnun dan lain-lain (Mohd Hasem Almuddin et al., 2016). Al-Ghazali atau nama penuhnya Abu Hāmid Muhammad bin Ahmad al-Ghazālī merupakan seorang sarjana Islam yang pakar dalam pelbagai disiplin ilmu Islam hingga diberi julukan *Hujjat al-Islam* (Faris, 1939). Kepakaran al-Ghazali dilihat dalam sains pendidikan menurut pandangan Islam dimana al-Ghazali konsisten membincangkan berkenaan konsep ilmu dan pendidikan dalam karya utama beliau *Ihya 'Ulūm al-Dīn* serta beberapa yang lain seperti *Mishkāt al-Anwār*, *Bidāyah al-Hidāyah* dan *Fātiḥah al-'Ulūm* (Gil'adi, 1992). Menariknya, konsep pendidikan yang digagaskan oleh beliau merangkumi penglibatan yang perlu dimainkan oleh semua pihak iaitu murid, guru serta ibu bapa. Melihat konsep pendidikan semasa di negara kita, kesinambungan pendidikan di sekolah serta di luarnya memberikan implikasi besar dalam

kemenjadian kanak-kanak. Kepincangan hasil penerimaan pendidikan bagi kanak-kanak di prasekolah dan di rumah adalah disebabkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak yang sangat tidak memberangsangkan (Sobri et al., 2022). Ditambah pula dengan kesedaran masyarakat yang tidak seiring dengan aspirasi pendidikan yang dijalankan di sekolah menyebabkan kanak-kanak tidak mampu mempraktikkan sekaligus menyebabkan proses pendidikan sepanjang hayat menjadi terbantut lalu meninggalkan kesan negatif pada mereka. Oleh itu, bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak meliputi seluruh pihak dibincangkan di dalam kajian ini bagi melihat konsep pendidikan yang sebenar dalam pandangan Islam. Kajian ini membantu melakukan analisis secara terperinci menerusi bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan yang dicadangkan.

## PENYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak dari seluruh aspek perkembangan bagi melahirkan insan yang seimbang serta melahirkan warganegara yang dapat membantu dalam pembangunan negara kelak. Melalui sistem pendidikan yang sedia ada menerusi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bagi murid prasekolah dan Kurikulum Permata Negara bagi murid taska, kanak-kanak didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu mencapai matlamat yang dihasratkan (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2008).

Pada zaman pasca moden hari ini, pendedahan nilai-nilai negatif pada hari ini menular secara meluas serta mudah untuk diakses bagi kanak-kanak (Siti Hajar Roslan et al., 2018). Hal ini turut mempengaruhi bentuk asuhan yang harus diberikan kepada mereka. Kanak-kanak yang dipupuk dalam persekitaran asuhan yang baik akan menatijahkan kepada perkembangan kanak-kanak dari segi pengetahuan serta nilai yang baik. Manakala bagi kanak-kanak yang dibentuk dalam persekitaran asuhan yang kurang baik akan berlaku sebaliknya.

Secara realitinya, amalan asuhan dan didikan kanak-kanak semasa lebih tertumpu pada sebahagian domain perkembangan untuk dicapai seperti kognitif dan literasi berbanding aspek sosio-emosi, moral dan kerohanian (Qin & Mariani Md Nor, 2020). Tambahan lagi, penumpuan nilai-nilai murni serta akhlak dalam menjadi insan yang sempurna tidak mampu diintegrasikan dengan baik dalam rancangan pengajaran oleh sebab ketidakcekapan guru dalam memberikan pendidikan yang lebih komprehensif (Rosnani Hashim, 2019). Pihak ibu bapa pula meletakkan harapan tinggi dengan melihat anak mereka mampu mencapai perkembangan dan pengetahuan di tahap tertentu dengan hanya menyerahkan tugasannya tersebut pada guru di prasekolah (Abdullah et al., 2021).

Seringkali dilihat bahawa konsep asuhan dan didikan di dalam senario kurikulum pendidikan awal kanak-kanak diasingkan bertujuan supaya ia disusun mengikut kepada tahap umur dan perkembangan kanak-kanak yang sesuai (Taha et al., 2020). Namun begitu, keperluan asuhan dan didikan ini tidak berjalan secara serentak pada fasa umur kanak-kanak yang berbeza. Hal ini disebabkan oleh polisi dan dasar pendidikan kanak-kanak mengikut agensi yang berbeza. Sebagai contoh, polisi dan dasar kanak-kanak di bawah umur empat tahun tertakluk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat manakala kanak-kanak empat tahun ke atas pula dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini menyebabkan pelaksanaan perancangan pendidikan tergendala dan perlu dipusatkan kepada satu agensi seperti yang dicadangkan oleh Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2012). Oleh itu, sekiranya ekosistem pengurusan asuhan dan didikan kanak-kanak tidak dibaiki secara sepenuhnya, sistem pendidikan akan dilihat sebagai urusan pihak sekolah dan tanggungjawab guru sahaja. Proses pendidikan tidak mampu untuk dijadikan agenda penting sebagai proses pembentukan ilmu sepanjang hayat manusia.

## SOROTAN KAJIAN

Pengurusan didefinisikan sebagai seni dalam mengatur dan melakukan koordinasi tugas kepada setiap ahli bagi memastikan tugas atau matlamat yang ingin dicapai dapat disempurnakan dengan penggunaan tenaga kerja yang efisien (Bani Ismail et al., 2018). Kajian pengurusan menjadi salah satu bidang kajian utama dalam pendidikan. Kajian mengenai pengurusan pendidikan menjadi perkaitan di antara disiplin ilmu yang pelbagai seperti psikologi, sosiologi, kepimpinan dan sebagainya (Hallinger & Chen, 2015).

Pengurusan pendidikan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak meliputi pengurusan didikan dan asuhan yang berlaku di institusi pendidikan awal kanak-kanak sama ada di taska dan tadika. Konsep pengurusan di taska dan tadika merangkumi pengurusan kurikulum dan pengajaran, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan. Pengurusan dan pengelolaan asuhan di institusi prasekolah menjadi elemen utama dalam kemenjadian kanak-kanak selain dari penyampaian ilmu pengetahuan. Keperluan asuhan yang optimum dalam situasi prasekolah mampu memberi implikasi yang baik dalam membina sebuah keluarga dan komuniti yang harmoni meskipun dari pelbagai budaya serta kepercayaan yang berbeza (Hayes, 2007).

Pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak juga melibatkan penglibatan ibu bapa dalam bidang pendidikan. Penglibatan ibu bapa menjadi satu aspek penting dalam menjayakan pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak. Menurut Pena (2000), kajian mengenai penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak sudah dibincangkan semenjak awal tahun 70-an (Sobri et al., 2022). Penglibatan ibu bapa menjadi tonggak utama dalam proses pendidikan kanak-kanak memandangkan keluarga merupakan sekolah pertama bagi anak. Menurut Islam, pendidikan dan pengasuhan yang baik menjadi tanggungjawab utama bagi ibu bapa sebagaimana Karim dan Al-Ghazali (2015) menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan amanah bagi kedua ibu bapanya. Ibu bapa bertanggungjawab dalam memberikan keperluan harian, pendidikan, penumpuan nilai-nilai murni serta kasih sayang yang cukup kepada anak (Giladi, 2014). Oleh disebabkan itu, menjadi keperluan bagi ibu bapa dalam menyiapkan ilmu dan kemahiran keibubapaan yang secukupnya bagi memastikan pertumbuhan anak berada dalam tahap yang optimum dari segi fizikal dan spiritual.

Pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak merangkumi dari kepelbagaian disiplin ilmu seperti ilmu keibubapaan, psikologi, kepimpinan serta melibatkan pelbagai pihak bagi mencari kesepakatan dalam membentuk kemenjadian kanak-kanak di dalam ekosistem masyarakat kini yang terdedah kepada pelbagai isu moral dan jati diri yang lebih rumit sebal hari.

## TUJUAN KAJIAN

Susulan daripada penjelasan di atas, artikel ini bertujuan meninjau dapatan analisis bertemakan bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak dengan kaedah menganalisis kandungan daripada bahan utama kajian iaitu dari kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn karangan al-Ghazālī. Sehubungan itu, soalan penyelidikan utama ialah: Apakah bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak yang dilihat dari perspektif kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengkaji secara mendalam mengenai sumber rujukan tertulis berkenaan pandangan al-Ghazālī mengenai pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak menerusi kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn. Analisis kandungan merupakan sebuah kaedah penganalisaan data dengan mengenal pasti serta tema

menerusi data kualitatif yang sedia ada dan melaporkannya secara bertulis (Maguire & Delahunt, 2017). Proses analisis kandungan ini dijalankan dengan kaedah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2008) dengan menyenaraikan enam langkah dalam pendekatan analisis kandungan. Pendekatan ini dimulakan dengan (1) mengenal pasti sumber literatur bagi proses penganalisaan, (2) menyenaraikan kod tertentu dari analisis kandungan, (3) mengenal pasti pola atau tema, (4) membuat sorotan pada pola atau tema, (5) menilai kesemua tema yang dikategorikan dan (6) menghasilkan laporan (Braun et al., 2006).

Dalam proses pengumpulan sumber literatur, pengkaji memfokuskan pada unit sampel yang berbeza iaitu sumber primer serta sumber sekunder. Sumber primer merupakan fasal mendidik kanak-kanak di dalam jilid ketiga yang terkandung di dalam kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn iaitu pada bab *bayān al-tarīq fī riyādat al-sibyān tī awwal nushu'ihim wa wajh tadībihim wa tahsīn akhlāqihim*. Manakala sumber sekunder merujuk kepadauraian dan pandangan dari Kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn terkait dengan asuhan kanak-kanak yang dinyatakan oleh para sarjana yang berautoriti. Data dari sumber sekunder ini dikutip bagi mengesahkan serta menguatkan lagi pandangan al-Ghazālī berkenaan aspek asuhan kanak-kanak dalam karya beliau.

Setelah proses kodifikasi melalui sorotan literatur dijalankan, pengkaji akan mencari tema-tema yang bersesuaian bagi menjelaskan bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak melalui kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn. Tema-tema ini akan diperhalusi perincianya kemudian dilaporkan pada bahagian dapatan kajian. Proses kesahan dan kebolehpercayaan kaedah kajian ini akan dijalankan melalui kaedah temubual bersama 4 orang pakar bidang iaitu bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pendidikan Islam khususnya kajian berkenaan pemikiran pendidikan tokoh al-Ghazali.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak menerusi kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn. Keempat bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak ini merangkumi pengurusan dan pengelolaan bagi pihak kanak-kanak, rakan, ibu bapa dan guru serta komuniti setempat. Keempat-empat bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak saling berkaitan antara satu sama lain dalam menjadikan proses asuhan tersebut mempunyai kesinambungan di antara prasekolah dan rumah serta lingkungan masyarakat setempat. Huraian bagi setiap bentuk pengurusan dan pengelolaan adalah seperti berikut:

### 1. Kanak-Kanak

Pengurusan dan pengelolaan asuhan perlu dilihat menerusi kanak-kanak itu sendiri. Al-Ghazali menyatakan bahawa proses asuhan perlu dibentuk oleh kanak-kanak melalui kaedah ta'dib serta tadhhib. Ta'dib dilihat secara umum dalam menggambarkan proses pendidikan sebenar yang perlu diberikan kepada kanak-kanak. Saedah Siraj dan Asmaa' Mohd Arshad (2009) menyatakan ta'dib merangkumi pelbagai terma pendidikan lain seperti ta'līm (pengajaran), tādhīb (penyucian), riyādah (disiplin) serta al-i'tiyād (pembiasaan). Al-Attas mendefinisikan ta'dib sebagai suatu proses pengenalan dan pengakuan yang ditanam secara progresif dalam diri manusia tentang tempat yang sebenarnya daripada segala sesuatu dalam susunan penciptaan yang membimbing seseorang pada pengenalan dan pengakuan terhadap tuhan dalam martabat wujud dan kewujudan.

Tadhhib merupakan salah satu dari proses pendidikan yang dinyatakan oleh al-Ghazali di mana ia bertujuan untuk memperbaiki akhlak dengan membuang segala sifat terkeji dan memperelokkan sifat yang terpuji. Kedua-dua proses ini dilihat sebagai langkah utama dalam mencapai tujuan pendidikan di mana al-Ghazali menyatakan bahawa tujuan pendidikan bagi seseorang manusia itu menjadi seorang insan yang sempurna perkembangannya dan mencapai kebahagiaan abadi di dunia dan akhirat. Oleh itu elemen pendidikan iaitu ta'dib sebagai pengenalan bagi seorang kanak-kanak tersebut berkenaan hak

dan batil serta pemupukan nilai moral melalui konsep tahdhib menjadi bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan bagi diri kanak-kanak itu sendiri.

## 2. *Rakan*

Bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak merangkumi interaksi kanak-kanak bersama rakan. Interaksi ini wujud apabila kanak-kanak mula untuk bersosialisasi sama ada di sekolah maupun di rumah. Interaksi bersama rakan sangat ditekankan oleh al-Ghazali sebagai faktor penentu asuhan bagi kanak-kanak. Al-Ghazali menyatakan bahawa ibu bapa harus menjaga kanak-kanak tersebut dari bersahabat dengan teman yang buruk akhlaknya. Tambahan lain, al-Ghazali menyuruh kepada ibu bapa memberitahu kepada kanak-kanak tersebut sekiranya tindakan yang dilakukan oleh temannya itu buruk dan keji serta melarang dari melakukannya (Karim & Al-Ghazali, 2015b). Manakala, jika rakan tersebut melakukan suatu tindakan yang positif, ibu bapa harus memuji tindakan tersebut di hadapan anak serta menggalakkannya untuk melakukan perkara yang sama.

## 3. *Ibu Bapa dan Guru*

Selain itu, bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan sangat bergantung kepada ibu bapa. Bahkan, tidak boleh dinafikan bahawa proses asuhan bermula dari kecaknaan ibu bapa terhadap pembangunan modal insan serta pengetahuan anak-anak. Maka, antara bentuk proses asuhan yang perlu diusahakan oleh ibu bapa kepada anak adalah melalui proses ta'lim dan ta'wid. Ta'lim seperti mana yang dinyatakan oleh al-Ghazali di dalam unit teks kajian ini adalah mengajar kanak-kanak tentang akhlak yang baik untuk diikuti dan akhlak yang buruk untuk dihindari (*ta'lim mahasin al-akhlaqiyah*). Namun menerusi dapatan lain, al-Ghazali menjelaskan bahawa ta'lim sebagai suatu suatu proses pembentukan segenap potensi yang ada diri murid tersebut kepada perilaku mulia yang sama ditunjukkan oleh guru (Al-Ghazālī, 2013a). Secara keseluruhan, ta'lim merupakan proses pemindahan dan penyampaian ilmu tersebut kepada individu yang tidak mengetahui perkara tersebut dengan mengajar kepadanya (Ab Halim Tamuri et al., 2010). Oleh itu, al-Ghazali menyatakan beberapa ilmu yang harus diberikan kepada kanak-kanak seperti asas akidah, ibadah, qur'an dan hadis serta kisah para nabi sahabat dan orang-orang soleh supaya dijadikan teladan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Al-Ghazālī juga menyarankan agar kanak-kanak diberikan pengetahuan berkenaan al-Quran, sunnah serta kisah-kisah para anbiya', sahabat dan orang-orang soleh. Hal ini bertujuan bagi menanam perasaan cinta kepada para anbiya' dan sahabat untuk mencontohi dan mengikuti teladan yang dipamerkan oleh mereka (Karim & Al-Ghazali, 2015b). Meskipun dilihat konotasi ta'lim tertumpu pada aspek kognitif, namun al-Ghazālī tetap menekankan konsep ta'lim dari segi aspek akhlak. Ia dilihat sebagai tunjang asas dengan meletakkan komponen akhlak sebagai inti asuhan yang utama.

Ta'wid merupakan istilah bagi kaedah pendidikan yang bermaksud pembiasaan. Proses pembiasaan menurut al-Ghazali perlu dijadikan sebagai aktiviti dalam proses pendidikan kanak-kanak sama ada di rumah maupun di sekolah. Al-Ghazali mencadangkan agar proses pembiasaan ini dilakukan dengan membiasakan kanak-kanak melakukan ibadah serta mempraktikkan nilai yang baik dalam kehidupan supaya ia menjadi kebiasaan sehingga peringkat dewasa (Karim & Al-Ghazali, 2015b). Proses ta'lim dan ta'wid ini tidak hanya terhad di rumah sahaja. Bahkan, di sekolah para guru harus memainkan peranan dengan memastikan proses pendidikan dibentuk secara optimum kepada kanak-kanak. Al-Ghazali menyatakan bahawa peranan guru sama seperti ibu bapa di rumah dalam memastikan kanak-kanak itu mendapatkan pendidikan yang baik di sekolah serta dipraktikkan di rumah (Nur Eliza Mohd Noor et al., 2021).

## 4. *Komuniti Setempat*

Proses sosialisasi kanak-kanak tidak terhad pada ibu bapa, guru dan rakan sahaja. Kanak-kanak terdedah dengan pelbagai informasi baru yang boleh dikutip melalui tindakan dari komuniti sekeliling sama ada secara fizikal maupun secara maya. Oleh itu, al-Ghazali menyatakan bahawa kanak-kanak harus diajar

dalam berinteraksi dengan masyarakat setempat seperti beberapa adab yang digariskan iaitu adab di dalam majlis dan bersama orang yang lebih tua (Karim & Al-Ghazali, 2015b). Menerusi dapatan yang lain, al-Ghazali berpandangan bahawa proses bersosialisasi bersama komuniti setempat memerlukan kepada tatacara serta perilaku yang betul bagi membentuk sebuah komuniti yang harmoni (Karim & Al-Ghazali, 2015a). Oleh itu, proses pendidikan perlu dilihat dari komuniti setempat dengan menunjukkan akhlak yang baik kepada kanak-kanak untuk membantu mereka lebih memahami tentang nilai tersebut serta memudahkan mereka untuk mempraktikkannya dalam kehidupan bermasyarakat.

## PERBINCANGAN

Kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn merupakan sebuah karya yang menjadi rujukan besar dalam tradisi keilmuan Islam. Kepelbagaiannya disiplin ilmu dan kajianya dilihat merangkumi di dalam karya besar ini. Tidak dikecualikan, aspek pendidikan menjadi perhatian bagi pengarangnya Abu Hamid al-Ghazali untuk membincarkan perihal pendidikan secara kritis mengenai dasar, tujuan dan perkara yang berkaitan (Sajid Ullah Sheikh & Muhammad Abid Ali, 2019). Al-Ghazālī mempunyai pemikiran yang tersendiri dalam konsep didikan serta asuhan kanak-kanak menerusi konsep pendidikan Islam yang sebenar. Dapatan kajian mendapatkan bahawa pemikiran pendidikan Al-Ghazālī tidak tertumpu kearah aspek kanak-kanak semata. Ia harus berlaku secara seiring menerusi interaksi bersama rakan, pengaruh ibu bapa di rumah, pengajaran guru di prasekolah serta kecaknaan komuniti terhadap pendidikan. Hal ini sangat jelas apabila perkembangan ditentukan menerusi corak pengurusan asuhan yang pelbagai didapati sangat memainkan peranan. Perkara ini selari dengan Abo-Zena dan Rana (2020) bahawa perspektif persekitaran sangat membantu tumbesaran bagi seseorang kanak-kanak dalam melihat keberagamaan dalam kehidupan sehariannya.


Jika dilihat secara kerangka ekologi, asuhan yang baik bermula dari hubungan kekeluargaan yang harmoni antara ibu bapa di rumah membolehkan kanak-kanak menguruskan emosi dengan baik. Kemudian, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah membolehkan kanak-kanak mempelajari ilmu pengetahuan serta meneroka pengalaman pembelajaran yang baru dalam keadaan yang bersedia dari pelbagai aspek perkembangan. Di dalam kelas, kanak-kanak akan mula untuk bersosialisasi dengan mempraktikkan ilmu yang diperolehi bersama rakan. Natijah dari itu, tindakan positif yang dilakukan oleh kanak-kanak ini mampu dikembangkan dalam komuniti yang lebih baik (Setiawan & Hasibuan, 2021).

Menerusi kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn ini, aspek asuhan yang dinyatakan oleh al-Ghazālī bermula dari peranan ibu bapa yang dimulakan melalui proses pengasuhan dan pengajaran di rumah. Pendidikan keibubapaan yang baik menurut Bensaid (2021) mampu melahirkan anak-anak yang berjaya dari segi aspek perkembangan spiritual. Setelah itu, kerangka ini mempunyai kesinambungan di peringkat prasekolah dengan memainkan peranan guru dalam membentuk kemenjadian murid. Hubungan di antara ibu bapa serta guru dilihat sangat penting dalam menjadikan pendidikan yang seimbang di sekolah dan rumah (Md.Hamdani et al., 2005). Pembentukan karakter dan akhlak tidak dapat dilatih dengan baik sekiranya proses tersebut berlaku hanya di prasekolah namun tidak berlaku di rumah.

Keempat-empat bentuk pengurusan asuhan melalui kaedah-kaedah pendidikan yang dijelaskan pada Rajah 1.0 di bawah seharusnya menjadi sebuah keperluan yang sangat penting bagi kanak-kanak supaya mereka bersedia sebelum melangkah ke alam persekolahan dan mempunyai keinginan yang sangat tinggi dalam menuntut ilmu.

**Rajah 1**

*Bentuk Pengurusan dan Pengelolaan Asuhan Kanak-kanak serta Kaedah Pendidikannya*



## KESIMPULAN

Menerusi perbincangan yang disenaraikan berkaitan bentuk pengurusan dan pengelolaan asuhan kanak-kanak yang diutarakan oleh Al-Ghazālī menerusi karya Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn, dapatlah difahami bahawa al-Ghazālī merupakan seorang tokoh pendidikan yang membincangkan idea-idea pendidikan secara kritikal pada zamannya. Idea-idea yang dibincangkan oleh al-Ghazālī ini masih relevan untuk dibincangkan pada zaman ini serta dimuatkan dalam kaedah pendidikan abad ke-21 yang digunakan dalam senario pendidikan semasa. Tambahan lain, konsep pendidikan yang dikemukakan ini dilihat bahawa pendidikan harus mempunyai kesinambungan antara prasekolah juga di peringkat sekolah rendah agar mereka terdedah dengan pemupukan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dilihat dari sudut kaedah dan strategi pengajaran yang lebih sesuai dipraktikkan melalui keempat-empat aspek pengurusan dan pengelolaan asuhan ini.

## PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan atas sokongan kewangan oleh Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant – IIRG010C-19SAH dan Geran Living Lab UMCARES - RUU2022-LL002A, Universiti Malaya.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Mohamad Khairul, & Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu ‘allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Abdullah, H., Saimin, R., Samah, R., & Idrus, M. M. (2021). Challenges in Providing Optimal

- Development for Young Children. *Sains Insani*, 6(3), 107–114.
- Abo-Zena, M. M., & Rana, M. (2020). Ecological Perspectives on Religion and Positive Youth Development. *Rethinking Youth*, 51–71. <https://doi.org/10.4324/9781003117193-4>
- Al-Ghazali, A. H. (2013). al-Risalah al-Laduniyyah. In *Majmu'ah al-Rasa'il al-Imam al-Ghazali*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Bani Ismail, L., Hindawi, H., Awamleh, W., & Alawamleh, M. (2018). The key to successful management of child care centres in Jordan. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 12(1). <https://doi.org/10.1186/s40723-018-0042-5>
- Bensaid, B. (2021). An overview of muslim spiritual parenting. *Religions*, 12(12). <https://doi.org/10.3390/rel12121057>
- Braun, V., Clarke, V., Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Applied Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1057/978-1-137-35913-1>
- Faris, N. A. (1939). The Ihyā' 'Ulūm al-Dīn of al-Ghazzālī. *Proceedings of the American Philosophical Society*, 81(1), 15–19. <https://www.jstor.org/stable/984962>
- Gil'adi, A. (1992). *Children of Islam: Concepts of Childhood in Medieval Muslim Society*. Palgrave Macmillan UK.
- Giladi, A. (2014). The Nurture and Protection of Children in Islam: Perspectives from Islamic Sources. Islamic texts command affection, care, and education. *Child Abuse and Neglect*, 38(4), 585–592. <https://doi.org/10.1016/j.chab.2014.03.016>
- Hallinger, P., & Chen, J. (2015). Review of research on educational leadership and management in Asia: A comparative analysis of research topics and methods, 1995–2012. *Educational Management Administration and Leadership*, 43(1), 5–27. <https://doi.org/10.1177/1741143214535744>
- Hayes, N. (2007). Perspectives on the relationship between education and care in early childhood: A research paper. In *Aistear: the Early Childhood Curriculum Framework Background Papers*.
- Karim, F., & Al-Ghazali, A. H. (2015a). *Essential Ihya' 'Ulum Al-Din- Volume 2: The Revival of the Religious Sciences*. Islamic Book Trust.
- Karim, F., & Al-Ghazali, A. H. (2015b). *Essential Ihya' 'Ulum Al-Din- Volume 3: The Revival of the Religious Sciences*. Islamic Book Trust.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2008). *Dasar Kanak-Kanak Negara*.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a Thematic Analysis: A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars. *All Ireland Journal of Higher Education*, 9(3). <https://doi.org/10.1109/TIA.2014.2306979>
- Md.Hamdani, S., Baharudin, D. F., Karim, N. K. B. Abd., & Sharif, E. A. M. (2005). *Meneroka Model Pendidikan Seimbang Untuk Mendepani Abad Ke-21*. c, 2005.
- Mohd Hasem Almuddin, Asyraf Isyraqi Jamil, & Che Zarrina Sa'ri. (2016). Amalan Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 1(Special Issue), 10. <http://ajba.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/2157/475>
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Yusmini Md. Yusoff. (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 6, 52–63.
- PERMATA, B. P. A. K.-K. (2013). *Kurikulum Permata Negara: Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak 0-4 Tahun*. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri.
- Qin, T. Y., & Mariani Md Nor. (2020). Exploring Issues On Teaching And Learning In Malaysian Private Preschools. *Malaysian Online Journal of Educational Management(MOJEM)*, 4(2), 1–16.
- Rosnani Hashim. (2019). Falsafah Pendidikan Islam Pada Era Revolusi Industri 4 (Ri 4.0): Cabaran dan Cadangan. *International Conference On Teacher Education 2019, November*.
- Saedah Siraj, & Asmaa' Mohd Arshad. (2009). Ibn Miskawayh and Al-Ghazali Viewpoints on Children's Character Development and Education. *Psychology Of Education*, 53–72.
- Sajid Ullah Sheikh, & Muhammad Abid Ali. (2019). Al-Ghazali's Aims and Objectives of Islamic

- Education. *Journal of Education and Educational Development*, 6(1), 111–125.
- Setiawan, D., & Hasibuan, E. J. (2021). Peer Group Behavior in Islamic Perspective. *Indonesian Journal of Islamic Psychology*, 3(2), 223–244.
- Sharifah Nor Puteh, & Aliza Ali. (2012). Persepsi Guru terhadap Penggunaan Kurikulum Berasaskan Bermain bagi Aspek Pekembangan Bahasa dan Literasi Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 141–159.
- Siti Hajar Roslan, Nur Natasha Zulhalmi, & Kamarul Azmi Jasmi. (2018). Pusat Asuhan Anak Menurut Perspektif Islam. *Seminar Institusi Islam 2019*, 155–166.
- Sobri, M. N. N. A., Soh, N. F. A. C., & Roziman, N. A. L. M. (2022). The Importance of Parental Involvement in Early Childhood Education for Children Under 4-Year Old. *Journal of Education and Literacy Studies (JELS)*, 1(1), 13–20. <https://doi.org/10.37698/jels.v1i1.104>
- Taha, H., Hanafi, Z., Dzainudin, M., Ibrahim, M. M., Yahaya, A., Ahmad, C. N. C., Masnan, A. H., Ramli, S., Taib, R. M., Mustafa, M. C., Yassin, S. M., Kastari, M. A., Daud, N., & Padmanathan, H. (2020). Malaysian Early Childcare and Childhood Education (ECCE) Curriculum: Perspectives of Malaysian ECCE Educationists. *Asia-Pacific Journal of Research in Early Childhood Education*, 14(3), 45–71. <https://doi.org/10.17206/apjrece.2020.14.45>